

05 JUL 2002

Mahathir-Rakyat

RAKYAT HARUS BIJAK, JANGAN MUDAH DIPENGARUHI PEMBANGKANG, KATA PM

JITRA, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat harus bertindak bijak dengan tidak mudah dipengaruhi oleh parti pembangkang yang cuba menanam kebencian terhadap kerajaan.

Beliau berkata kebencian tanpa asas dan tidak disertakan dengan fikiran yang waras hanya akan menyebabkan kerugian kepada rakyat kerana pembangkang tidak membawa kemajuan.

"Rakyat akan rugi kalau terpengaruh dengan sikap membenci yang dibawa oleh pembangkang ini. Rakyat tidak akan dapat nikmat pembangunan," katanya pada upacara meletak batu asas kompleks pentadbiran daerah Kubang Pasu di sini hari ini.

Upacara yang disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) itu merupakan majlis rasmi pertama Perdana Menteri bersama rakyat selepas beliau mengumumkan untuk melepaskan semua jawatan di dalam parti dan kerajaan pada Perhimpunan Agung Umno 22 Jun lepas.

Dr Mahathir yang juga anggota Parlimen kawasan Kubang Pasu berkata tiada siapa yang boleh mengatakan bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak membawa kemajuan kepada rakyat.

"BN membawa pembangunan seperti kemudahan jalan, air dan elektrik kepada semua rakyat di kampung-kampung. Jadi, rakyat harus bijak memilih kerajaan yang berwibawa untuk menikmati pembangunan," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan membangunkan negara dengan mengambil kira keperluan di masa depan.

"Kerajaan membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang dengan mengambil kira peningkatan keperluannya di masa depan. Kita rancang ia boleh digunakan untuk 100 tahun akan datang," katanya.

Dr Mahathir berkata jika perkara itu tidak dirancang, masalah seperti tanah akan timbul apabila sesuatu kemudahan itu hendak diperbesarkan.

Sementara itu, Dr Mahathir turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada penduduk Kubang Pasu yang telah menyokongnya selama ini.

"Saya mulai mewakili kawasan ini sejak 1974 dan semua kejayaan saya selama ini adalah berkat sokongan penduduk di sini," katanya.

-- BERNAMA

MAN RHM